

Gerakan militan akan diperangi habis-habisan

UM 1 1 NOV 2001

DUNGUN 10 Nov. — Kerajaan akan memerangi habis-habisan sebarang gerakan militan yang cuba menjatuhkan kerajaan dan meruntuhkan negara dengan berselindung di belakang perjuangan Islam.

Sambil menyifatkannya sebagai suatu pengkhianatan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan akan memastikan awal-awal lagi agar mereka tidak akan mendapat sokongan rakyat.

Katanya, gerakan sebegini sudah boleh dianggap serius di negara ini seperti yang diperlihatkan oleh kumpulan militan KMM yang mulai sanggup membunuh.

Menurut beliau, di Malaysia apabila seseorang itu berkata dia berjuang untuk Islam, ramai yang tidak menyoal lagi, sedangkan dia berjuang untuk meruntuhkan negara-negara Islam.

"Kerana merekalah, tak ada negara Islam yang kuat kerana tumpuan kerajaan negara-negara Islam ialah untuk membendung kegiatan mereka ini.

"Kalau ada kerajaan ganas kerana tidak percayakan sistem demokrasi dan ingin dirikan daulah Islamiah Malaysia, Indonesia dan Filipina.

"Nasib baik kita dapat kesan lebih awal. Kita sekarang tahu siapa yang bunuh Yang Berhormat Dr. Joe Fernandez (Ahli dewan Undangan Negeri kawasan Lunas), siapa yang cuba merompak balai polis di Guar Cempedak, juga beberapa kes letupan bom dan beberapa kesan percubaan merompak," katanya.

Terdahulu ketika berucap pada majlis itu beliau berkata, rakyat tidak ha-

atau negara yang cuba bangunkan negara Islam, mereka akan tuduh negara ini sekular kerana bagi mereka Islam bermakna apa yang terdapat di Afghanistan.

"Juga apa yang dilakukan oleh Taliban, membunuh sesama Islam tak henti-henti, berperang dan menganiaya wanita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Peneroka Negara di Ketengah Jaya di sini, hari ini.

Ditanya apakah bentuk pendekatan kerajaan bagi menyekat kegiatan golongan ini beliau berkata, ia termasuklah gerakan menjelaskan kepada rakyat siapa golongan ini sebenarnya yang mengkhianati perjuangan orang Islam.

"Kerana inilah negara Islam mundur, tidak dapat maju, dan mudah ditindas oleh orang lain.

"Kita tak tahu sama ada pembangkang terlibat tetapi yang kita tahu hampir semua daripada KMM terdiri daripada ahli, jawatankuasa Pas dan jawatankuasa Pemuda, tiada daripada UMNO," ujar beliau.

Katanya, pelajar di negara ini terlalu yakin bahawa negara ini akan terselamat dengan sendirinya.

Nasib buruk yang menimpa umat Islam di beberapa negara adalah kerana mereka tidak mematuhi ajaran Islam dan sering bersengketa sesama sendiri, katanya.

Penguasaan dalam pelbagai bidang ilmu menurut Perdana Menteri, tidak diberi penekanan atas alasan ia adalah sekular sehingga umat Islam terkebelakang dan tidak dapat mempertahankan diri daripada penindasan pihak asing.

Menurut beliau, di nega-

ra ini turut dihasut oleh banyak daripada guru-guru agama kerana ramai daripada guru agama dilatih di luar negara, bukan sahaja di Pakistan tetapi negara Islam yang lain.

"Pendapat yang sama dikembangkan (oleh guru-guru), iaitu semua negara Islam tidak Islam dan menjadi tanggungjawab mereka untuk menjatuhkan kerajaan negara-negara ini," katanya.

Merujuk kepada KMM beliau berkata, ada pelajar yang meneruskan pengajian di Pakistan memasuki madrasah yang tidak diiktiraf, yang lebih condong terhadap pengajaran untuk memberontak menggunakan agama.

"Mereka dilatih supaya berusaha jatuhkan kerajaan negara Islam termasuk Malaysia. Selepas Pakistan mereka telah pergi ke Afghanistan bersama Taliban melawan Mujahidin, pada anggapan mereka Mujahidin belum Islam, sedang bagi kita sudah nampak ekstrem Islam.

"Mereka kemudian ke Malaysia bersama-sama dengan Indonesia, rancang jatuhkan kerajaan secara

ra ini pemikiran pelajar cuba dipesongkan ke hal-hal di luar bidang pendidikan, termasuk soal mendirikan negara Islam sehingga pelajaran diabaikan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak akan membazirkan wang dengan sia-sia untuk membiayai pelajar yang tidak berminat belajar sehingga mereka tidak mendapat keputusan yang baik.

"Kita akan amalkan sistem meritokrasi untuk memasukkan ke universiti iaitu berasaskan pencapaian. Mungkin ramai yang tidak senang hati, tetapi ramai

juga penuntut yang yang dibenarkan masuk, tidak mahu belajar," ujarnya.

Pihak-pihak tertentu juga, katanya, cuba mengajar rakyat untuk tidak berterima kasih dan bersyukur terhadap segala bantuan dan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan kerana bimbang mereka akan hilang sokongan.

"Ini ajaran sesat walaupun mereka memperkenalkan diri sebagai parti Islam dan mengetahui agama, kerana ia bertentangan dengan ajaran agama," ujar beliau.